



**Ebook Ini Adalah Percuma**

**Hak Milik**

**[www.Zulpress.com](http://www.Zulpress.com)**

**Tidak boleh dijual dan diubah tanpa keizinan penulis.**

[**Boleh**] mencetak dan mempraktikkan segala tip yang diajar

[**Boleh**] diberikan percuma ebook ini **tanpa** ada sebarang perubahan dilakukan

# 8 Jenis Kekayaan – Rahsia Hidup Kaya Berjaya

---

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Apa khabar? Semoga anda kaya dan berjaya. Anda ingin menjadi kaya? ☺

Saya yakin jawapannya adalah Ya!.

Kaya adalah impian setiap orang. Jika ditanya kepada 10 orang, saya yakin kesemua 10 orang tadi akan mengatakan mereka mahu menjadi kaya. Hatta seorang kanak-kanak pun ingin menjadi kaya.

Menjadi kaya juga adalah tuntutan agama kita. Sabda Rasulullah S.A.W : “ Tangan di atas adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah”. Dengan ini, Islam amat menuntut kita menjadi golongan yang sentiasa dapat memberi.

Apabila menyebut tentang kekayaan, seringkali di fikiran kita adalah kaya harta. Seseorang itu dikira kaya apabila memiliki banyak harta dan mempunyai pangkat kedudukan.

Namun, ia bukanlah semata-mata kekayaan yang dicari.

Sebenarnya ia hanyalah 1 jenis daripada 8 jenis kekayaan sahaja. Dalam ebook ini, saya kongsi 8 jenis kekayaan yang insyaAllah mampu menjadikan kita seimbang dalam erti kata kaya dan berjaya di dunia dan akhirat.

Selamat membaca.

## 8 Jenis Kekayaan

---

### 1. Kaya Jiwa (Kaya Peribadi)

Kaya jiwa adalah memiliki jiwa yang tenang dan bahagia. Ia adalah kekayaan dalaman.

Kaya rohani. Ia tidak dapat dilihat secara zahir dengan mata kasar.

Kaya jiwa adalah memiliki jiwa yang sentiasa berasa syukur, bahagia dan cukup dengan apa yang dimiliki. Memiliki nilai-nilai murni dan tidak ada perasaan dengki, sombong, takabbur dan sifat negatif yang lain.

Orang yang kaya jiwa tidak berasa resah, takut dan bimbang walaupun tidak memiliki harta yang banyak. Mereka tetap bahagia dengan kehidupan mereka dan menghadapi segala ujian dengan penuh kebergantungan pada Allah Taala.

Alangkah beruntungnya jika kita turut memiliki kekayaan jiwa. Amin.

Banyak cara yang boleh kita lakukan untuk meningkatkan kekayaan jiwa antaranya ialah berzikir 100x setiap hari, membaca Al-Quran, bersedekah, berselawat, solat berjemaah dan menghadiri majlis ilmu.

*“Yang dikatakan kaya itu bukanlah kerana banyak harta benda tetapi yang sebenarnya ialah kaya jiwa (hati).”* Riwayat Bukhari & Muslim.

Idea : Senaraikan 5 perkara yang anda boleh lakukan sekarang untuk mencapai ketenangan jiwa.

## 2. Kaya Kesihatan

Orang yang sihat adalah orang yang mendapat nikmat yang amat berharga.

Dengan kesihatan yang baik, kita dapat melakukan banyak perkara dan aktiviti dengan bebas.

Berbeza apabila mendapat musibah dan ujian kesakitan, kita tidak dapat bergerak dengan baik, dan perlu berehat sehingga sembuh.

Justeru, bersyukurlah bagi yang masih sihat pada ketika ini kerana telah mendapat anugerah kesihatan yang tidak ternilai.

Kenapa perlu bersedih apabila hidup tidak kaya harta, sedangkan kita masih memiliki kaya kesihatan untuk kita terus berusaha mencari rezeki.

Mari kita pelihara nikmat kesihatan ini dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang meningkatkan kesihatan kita seperti menjaga cara pemakanan, bersenam 30 minit sehari dan berpuasa.

Idea : Senaraikan 5 perkara atau aktiviti yang boleh anda lakukan untuk memastikan anda sihat sentiasa.

### **3. Kaya Dalam Kehidupan Berkeluarga**

Tahniah jika anda telah berkeluarga.

Anda sebenarnya telah kaya berbanding yang masih lagi bujang. Lebih-lebih lagi sekiranya anda telah mempunyai anak-anak (atau cucu?) bersama anda.

Hargailah nikmat kekayaan ini dan manfaatkanlah waktu ketika ini untuk anda bersama keluarga anda hidup dengan bahagia.

Rancanglah aktiviti-aktiviti yang boleh merapatkan hubungan kekeluargaan anda. Pergilah bercuti, berkelah, bersantai bersama keluarga, umrah ziarah dan sebagainya.

Cipta memori indah buat ahli keluarga anda bermula hari ini.

Hargailah kehadiran insan yang tersayang di sisi anda. Ini kerana antara nikmat hidup di dunia ini adalah memiliki keluarga yang bahagia.

Idea : Rancang 5 perkara yang anda boleh lakukan untuk mencapai lebih kekayaan dalam kehidupan berkeluarga.

#### **4. Kaya Dalam Pekerjaan**

Tahniah, sekiranya anda telah bekerja.

Anda bertuah berbanding ramai lagi yang masih menganggur. Jika anda masih belajar, teruskanlah menuntut ilmu secara formal sehingga anda berjaya.

Kaya dalam pekerjaan tidak bermaksud anda menjawat jawatan yang tinggi dan bergaji besar. Sebaliknya anda berasa bersyukur dengan pekerjaan anda sekarang dan melakukan tugas anda dengan tekun dan sehabis baik.

Carilah kepuasan dan keseronokan dalam bekerja.

Puas apabila anda telah melakukan yang terbaik walaupun tidak mendapat penghargaan atau imbuhan. Seronok apabila anda telah berjaya menyelesaikan tugas anda dengan sempurna.

Ini kerana anda yakin kerja anda adalah ibadah. Bukan semata-mata kerana ganjaran.

Sebaliknya, sekiranya anda belum berpuas hati dengan pekerjaan anda atau pekerjaan sekarang bukanlah sebagaimana yang anda idamkan, maka berilah diri anda peluang untuk menimba pengalaman terlebih dahulu.

Dan pada masa yang sama, fikirkan apakah perubahan dan tindakan yang perlu anda lakukan untuk mencapai kejayaan (kekayaan) dalam pekerjaan anda.

Idea : Senaraikan 5 perkara (atau perubahan) yang boleh anda lakukan bagi membolehkan anda menjadi lebih cemerlang dan kaya dalam pekerjaan anda sekarang.

## 5. Kaya Kewangan (Ekonomi/ Harta)

Kaya kewangan adalah menjadi impian setiap orang.

Carilah kekayaan yang berkat dengan bersungguh-sungguh demi meningkatkan ekonomi umat dan membantu lebih ramai orang.

Tetapkan matlamat menjadi kaya, dengan tujuan membantu orang lain yang memerlukan.

Ingatlah, kita hanya wakil bagi mengurus harta yang diberi Allah Taala kepada kita.

Pelbagai cara boleh dilakukan untuk meningkatkan kewangan sama ada dengan berniaga, bekerja separuh masa, membuat servis, menulis buku, menjadi ejen, melabur, jual beli rumah dan tanah, berniaga secara *online* dan sebagainya.

Idea : Tetapkan 5 perkara yang anda perlu lakukan untuk menambah sumber kewangan anda pada tahun ini.

Kemudian, mulakan bertindak, pelajari lebih mendalam selok belok bidang anda dan berusaha bersungguh-sungguh hingga anda berjaya.

## 6. Kaya Dengan Rakan Genius (Pergaulan)

Rakan genius ialah rakan yang sentiasa memberikan anda inspirasi, motivasi dan semangat untuk anda menjadi lebih baik dalam hidup anda.

Rakan yang membuatkan anda kagum dengan mereka, membuatkan anda berasa “Wow!”, sentiasa memberikan idea yang bernas, nasihat yang berguna dan membantu anda lebih berjaya dalam bidang anda.

Rakan genius boleh juga merupakan guru atau mentor anda. Boleh juga rakan sementor anda atau sahabat seusrah anda.

Ini kerana, rakan yang baik mempengaruhi kehidupan kita.

Jika anda belum mempunyai rakan genius, sila dapatkan segera dan berkawan dengan mereka sama ada melalui Facebook atau mengikuti aktiviti atau seminar mereka.

Idea : Tetapkan 5 rakan genius yang anda boleh sertai dan *follow* mereka agar anda turut berjaya sebagaimana mereka.



## 7. Kaya Cabaran dan Gaya Hidup (Sosial)

Hidup ini perlukan keseronokan dan cabaran.

Carilah kekayaan ini dengan melakukan perkara yang anda sukai dan perkara yang menjadi impian sejak anda kecil lagi.

Sahut cabaran dengan melakukan perkara baru yang belum pernah anda lakukan sebelum ini seperti melancong ke luar negara, mengembara, *scuba diving*, bermain ski, makan makanan asing, makan makanan di restoran yang terkenal dan sebagainya.

Pelbagaikan juga gaya hidup anda seperti membeli baju yang anda idamkan, menghias rumah dengan hiasan yang baru, menunggang kuda, berenang, memanah, menulis diari, membaca novel dan sebagainya.

Carilah kekayaan ini.

Anda bertuah dan beruntung kerana tidak ramai yang memiliki kekayaan ini disebabkan kesibukan mereka bekerja setiap hari dan kekangan masa yang ada.

Idea : Fikirkan dan rancang 5 perkara yang anda ingin lakukan pada tahun ini bagi mencapai kekayaan ini.

## 8. Kaya Impak dan Sumbangan

Hiduplah dengan memberi.

Apa yang kita beri kita akan dapat kembali walaupun bukan dalam bentuk sepeertinya.

Yakinlah, lebih banyak kita memberi dengan ikhlas, lebih banyak ganjaran yang Allah Taala sediakan.

Menjadi kaya dengan memberi sama ada memberi ilmu, memberi sedekah harta, memberi zakat, memberi tenaga, memberi masa, memberi ucapan yang baik atau sekadar memberi senyuman.

Terlalu banyak yang boleh kita berikan pada orang lain. Hatta memberi kepada makhluk Allah Taala yang lain (haiwan dan tumbuhan).

Tidak perlu menanti kaya baru hendak memberi, sebaliknya kita memberi terlebih dahulu dan Allah Taala akan jadikan kita kaya dengan izin-Nya.

***“Marilah kita bina kehidupan dengan memberi. Bina hidup dengan apa yang kita dapat, bina kehidupan dengan apa yang kita beri.”***

***~ Ustaz Pahrol Mohamad Juoi***

Idea : Tetapkan 5 perkara yang boleh anda lakukan pada tahun ini untuk memberi impak dan sumbangan kepada masyarakat.

## Kesimpulan

- Segala kekayaan adalah kurniaan dan nikmat Allah Taala yang diberikan pada kita. Segalanya adalah pinjaman.
- Mohonlah dengan **berdoa** pada Allah Taala agar dikurniakan kehidupan yang baik di dunia dan akhirat.
- Kita hendaklah **merancang dan berusaha** untuk memiliki kekayaan ini.

Janji Allah Taala, dalam surah Ar-Ra'd, ayat 11 : ***“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.”***

Akhirnya, segalanya diserahkan tawakal kepada-Nya. Firman Allah Taala dalam surah At-Talaq, ayat 2-3 : ***“..Sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar (2). Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah nescaya Allah mencukupkan (keperluannya). Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan (yang dikehendakiNya). Sesungguhnya Allah telah menyediakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu (3)”***

Semoga Allah Taala kurniakan kita dengan memiliki **kekayaan** melalui ketenangan jiwa, kesihatan diri, kebahagiaan keluarga, kecemerlangan dalam pekerjaan, kekayaan harta, sahabat yang genius, cabaran dan gaya hidup berkualiti, kaya dengan memberi impak dan sumbangan dan juga kaya di dunia dan akhirat. Amin.

Semoga perkongsian di dalam ebook ini memberi manfaat buat anda.

Sila lawati blog saya di Zulpress.com untuk mendapatkan pelbagai lagi tip dan perkongsian menarik dan bermanfaat.

Assalamualaikum w.b.t dan salam kejayaan.

**Mohd Zulfadhli Abd. Nasir**

[www.zulpress.com](http://www.zulpress.com)

## **Pelan Tindakan 1 Page Plan**

### **8 Jenis Kekayaan ~ Rahsia Hidup Kaya Berjaya**

Semoga segala perkongsian ilmu di dalam ebook ini dapat membantu anda merealisasikan impian anda dalam kelapan-lapan jenis kekayaan di atas.

Apa yang penting adalah :

- Anda bertindak sekarang mengikut cadangan Idea yang diberikan di dalam Ebook ini dengan menulis 5 perkara (impian/tindakan/amalan) yang anda ingin lakukan dan capai pada tahun ini.
- Tidak perlu menulis impian yang terlalu besar. Anda hanya perlu menulis 5 target pencapaian yang anda ingin capai bagi setiap jenis kekayaan.
- Tulis dalam satu muka surat (1 Page Plan) bagi memudahkan anda melihat impian anda setiap hari.

## 8 JENIS KEKAYAAN - RAHSIA KAYA BERJAYA

\*\*\*\*\*

### PELAN TINDAKAN - 1 PAGE PLAN

Pelan tindakan ini amat penting bagi membantu merealisasikan impian anda untuk kaya dan berjaya dalam kelapan-lapan jenis kekayaan di atas.

Apa yang anda perlu lakukan ialah :

1. **Cetak** (print) **Pelan Tindakan 1 Page Plan** di bawah.
2. **Tulis 5 perkara (impian)** yang anda ingin lakukan pada tahun ini bagi memastikan anda selangkah kearah kaya dan berjaya dalam kelapan-lapan jenis kekayaan.
3. **Tampal** 1 Page Plan ini di tempat yang mudah anda lihat seperti di bilik tidur anda, di meja belajar atau di pejabat anda.
4. **Lihat** 1 Page Plan ini setiap pagi (setiap hari) dan bayangkan anda telah berjaya memiliki dan berjaya melakukannya.
5. Tanamkan **keyakinan** yang tinggi. InsyaAllah, perkara yang anda telah tulis tadi (impian anda) akan mendorong anda (dan fikiran bawah sedar anda) untuk bekerja bersungguh-sungguh bagi merealisasikannya menjadi kenyataan.

Di bawah ini adalah contoh-contoh yang dapat saya berikan buat rujukan anda. Ia adalah bagi memudahkan anda membina 1 Page Plan anda sendiri selepas ini :

### **1) Kaya Jiwa**

1. Berpuasa Isnin, Khamis
2. Berselawat 41x setiap hari
3. Memberi sedekah RM 2 setiap hari
4. Menunaikan umrah / haji
5. Membaca al-Quran 1 m/s setiap hari
6. Hafaz 1 Juz al-Quran pada tahun ini
7. Sentiasa senyum dan gembira
8. Qiamullail (30 minit sebelum Subuh)
9. Menulis catatan jurnal setiap hari di dalam diari khas – peristiwa, rasa syukur, pengajaran dan penambahbaikan yang perlu.

### **2) Kaya Kesihatan**

1. Makan makanan berkhasiat
2. Bersenam setiap pagi/petang 20 minit setiap hari
3. Berhenti merokok
4. Minum air 8 gelas sehari
5. Minum air setiap kali lepas bangun tidur
6. Pergi ke gym 1 kali seminggu
7. Kurangkan berat badan 10 kg pada tahun ini

### **3) Kaya Dalam Kehidupan Berkeluarga**

1. Memperuntukkan waktu malam untuk bersama keluarga
2. Mengadakan jamuan keluarga sebulan sekali
3. Solat Maghrib berjemaah bersama keluarga
4. Melawat tempat menarik di ..... bersama keluarga
5. Memberi kasih sayang dan perhatian kepada anak-anak
6. Membawa anak-anak solat di masjid
7. Bersukan /beriadah bersama keluarga 1 kali seminggu
8. Memberi hadiah kepada isteri tercinta dan anak-anak

### **4) Kaya Dalam Pekerjaan**

1. Datang awal ke pejabat dan pulang lewat 30 minit
2. Menetapkan target dan gol peribadi dalam pekerjaan
3. Membantu rakan-rakan yang memerlukan
4. Menjadikan kerja adalah ibadah, amal jariah
5. Mengikuti seminar/bengkel/ ceramah berkaitan pekerjaan
6. Sentiasa menambah ilmu dan meningkatkan kemahiran diri dalam pekerjaan
7. Mencapai jualan ..... pada tahun ini

### **5) Kaya Kewangan (Harta)**

1. Menyimpan 20% daripada pendapatan setiap bulan
2. Bekerja part-time ..... untuk tambah pendapatan
3. Menunaikan zakat, memberi sedekah  
(the more you give, the more you receive)
4. Merekod belanja harian/bulanan
5. Berniaga? Melabur?
6. Mengikuti seminar kewangan/ pelaburan
7. Membeli rumah kediaman/ kereta/ tanah pada tahun ini

### **6) Kaya Dengan Rakan Genius**

1. Memilih rakan yang positif dan lebih Berjaya
2. Menambah kenalan FB yang berjaya dan mempunyai minat yang sama
3. Mengikuti dan aktif dalam usrah/ kelab/ persatuan
4. Mengikuti seminar ..... dan meluaskan jaringan
5. Memberi 1000 bisnes kad kepada rakan berpotensi
6. Membaca 4 buku motivasi/ bisnes bestseller dalam sebulan  
(cara paling cepat mencontohi mereka yang berjaya dan mengambil pengalaman mereka adalah dengan membaca buku tulisan mereka)
7. Memiliki database maklumat pelanggan/ rakan bisnes berpotensi

### **7) Kaya Cabaran & Gaya Hidup**

1. Mempelajari satu kemahiran baru setiap bulan .....
2. Mendaki bukit .....
3. Melancong ke ..... / mengembara ke .....
4. Melawat taman/ zoo/ muzium / tempat menarik
5. Melanggan majalah bermanfaat – Solusi, Q&A, majalah Success dll.
6. Mempelajari masakan terbaru, menu baru
7. Membaca buku dalam bidang yang baru – kaunseling, rumah tangga, ekonomi, bisnes, novel dll.

### **8) Kaya Impak & Sumbangan**

1. Memberi bantuan & sumbangan kepada rumah anak yatim/ orang tua
2. Derma pembinaan masjid/ surau setiap bulan
3. Sumbangan idea dan kepakaran melalui penulisan buku. blog dll.
4. Tolong bayarkan/ belanja orang yang tidak dikenali makan
5. Memberi hadiah kepada guru/bos / rakan baik dll.
6. Memberi lebih dalam timbangan & jual beli dengan pelanggan
7. Membuat kerja amal .....

# 1 Page Plan

\*\*\*

# 20

---

## KAYA JIWA

1. ....
2. ....
3. ....
4. ....
5. ....

## KAYA KESIHATAN

1. ....
2. ....
3. ....
4. ....
5. ....

## KAYA DALAM KEHIDUPAN BERKELUARGA

1. ....
2. ....
3. ....
4. ....
5. ....

## KAYA DALAM PEKERJAAN

1. ....
2. ....
3. ....
4. ....
5. ....

## KAYA KEWANGAN (HARTA)

1. ....
2. ....
3. ....
4. ....
5. ....

## KAYA DENGAN RAKAN GENIUS

1. ....
2. ....
3. ....
4. ....
5. ....

## KAYA CABARAN & GAYA HIDUP

1. ....
2. ....
3. ....
4. ....
5. ....

## KAYA IMPAK & SUMBANGAN

1. ....
2. ....
3. ....
4. ....
5. ....